

Momentum positif semua sektor pacu IPP Malaysia kembali pulih

Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) Malaysia kembali pulih kepada 4.7 peratus pada Mei 2023, disokong oleh momentum positif dalam semua sektor.

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), IPP kembali kepada pertumbuhan positif berbanding negatif 3.3 peratus yang direkodkan pada bulan sebelumnya.

Ia berkata, pengembangan pada Mei itu adalah didorong oleh peningkatan dalam semua sektor, terutama pembuatan yang mencatatkan 5.1 peratus, perlombongan dengan 2.9 peratus dan elektrik dengan 5.0 peratus.

“Berbanding April 2023, IPP mengukuh kepada 7.3 peratus selepas mencatatkan pertumbuhan negatif 10.8 peratus pada April 2023,” katanya dalam satu kenyataan.

DOSM berkata, kenaikan 5.1 peratus bagi sektor pembuatan pada Mei 2023 dipacu oleh pertumbuhan memberangsangkan sebanyak 10.1 peratus dalam industri berorientasikan domestik yang disokong oleh pembuatan kenderaan bermotor, treler & semi-treler (16.4 peratus) dan pembuatan produk logam yang direka, kecuali jentera & peralatan (11.9 peratus).

Begitu juga, katanya industri berorientasikan eksport meningkat sebanyak 2.8 peratus yang didorong oleh kenaikan pembuatan minyak & lemak daripada sayuran & haiwan (13.0 peratus); dan pembuatan kok & petroleum bertapis (5.9 peratus).

“Perbandingan bulan ke bulan, sektor pembuatan mencatatkan pertumbuhan positif 7.0 peratus berbanding negatif 11.4 peratus pada April 2023,” katanya.

Sementara itu DOSM berkata pengeluaran dalam sektor perlombongan meningkat kepada 2.9 peratus pada Mei 2023 yang didorong oleh peningkatan dalam kedua-dua indeks minyak mentah & kondensat dan gas asli masing-masing sebanyak 0.6 peratus dan 4.5 peratus.

Berbanding bulan sebelumnya, ia berkata indeks perlombongan berkembang 7.6 peratus berbanding penyusutan 10.7 peratus yang direkodkan pada bulan April 2023.

“Pada masa yang sama, output elektrik meningkat 5.0 peratus pada Mei 2023 selepas merekodkan negatif 2.0 peratus pada April 2023.

“Perbandingan bulan sebelumnya, indeks elektrik tumbuh kukuh 10.1 peratus,” katanya.

Jabatan itu menambah, bagi lima bulan pertama 2023, IPP menyederhana kepada 2.0 peratus berbanding tempoh yang sama pada 2022 iaitu 4.1 peratus.